

**PERANAN KATA-KATA PERBILANGAN
DI DALAM PERJALANAN ADAT PERPATIH**

OLEH:

ABDUL JABAR BIN KASSIM

**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR
1974-75**

Perana Kata-Kata Perbilangan
Di dalam Perjalanan Adat Perpatih

Oleh:
Abdul Jabar Bin Kasin

Latihan Ilmiah
Untuk memenuhi sebahagian syarat-syarat
Ijazah Sarjanamuda Sastera dengan Kepujian
Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu

Universiti Kebangsaan Malaysia
Kuala Lumpur
1974-75

PENGHARGAAN

Membincangkan mengenai peranan kata-kata perbilangan di dalam Adat Perpatih adalah salah satu latihan ilmiah bagi membuat serta memenuhi syarat dalam memperoleh Ijazah Sarjanamuda (Kepujian) Persuratan (Sastera) di Universiti Kebangsaan Malaysia. Di dalam usaha menyempurnakan latihan ilmiah ini, saya sungguh terhutang budi kepada Cik Siti Hawa Haji Salleh yang telah memberikan nasihat serta bimbingan hingga berjaya terlaksananya latihan ilmiah ini.

Saya tidak lupa juga memberikan ucapan terima kasih kepada informan-informan terutamanya Encik Sharif, Encik Hassan dan Encik Sulaiman Kalam yang bersusah payah memberikan keterangan-keterangan mengenai Adat Perpatih. Juga saya tidak melupakan ucapan terima kasih kepada bapa saya sendiri iaitu Encik Kasim Bidin yang turut sama bersusah payah mencari serta menemui beberapa informan.

Saya juga berterima kasih kepada semua pihak yang namanya tidak dicatitkan di atas segala pertolongan serta kerjasama yang diberikan.

Terima kasih.

Universiti Kebangsaan Malaysia
Kuala Lumpur.

ABDUL JABAR BIN KASIM

KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Kandungan	iii
BAB I	
1. Pendahuluan	1
2. Bidang Kajian	3
BAB II	
1. Asal usul Adat Perpatih di Negeri Sembilan	5
BAB III	
Perjalanan Adat Perpatih	
a) Adat dan Adat Istiadat	18
BAB IV	
Beberapa adapt istiadat yang terdapat di Negeri Sembilan	
a) Adat berlait dengan perkahwinan	30
b) Adat yang berkait dengan perceraian	52
c) Adat bertukar suku atau bersekadin	59
d) Adat istiadat 'berolek' (kenduri)	66
BAB V	
Kesimpulan.	

BAB III

PERJALANAN ADAT PERPATIH

A) Adat dan Adat Istiadat

Adat dan Adat Istiadat sering disalah gunakan. Adakalanya adat dikatakan adat istiadat, adakalanya sebaliknya pula. Ini selalu menimbulkan kekeliruan bagi mereka yang tidak mengetahui perbezaan di antara kedua-dua ini. Untuk membincangkan Adat Perpatih, penjelasan mengenai perkara ini sangat penting. Di dalam Adat Perpatih ada terdapat salsilah yang mengatakan:

Adat bertangga turun

Adat istiadat berjenjang naik

Salsilah inilah yang dapat menerangkan bagaimana pentadbiran negeri serta Adat Perpatih dapat dijalankan dengan sempurna. Ia juga dapat dikatakan sebagai asas untuk menentukan perlembagaan Adat Perpatih. Satu huraian yang panjang lebar perlu untuk menerangkan maksud salsilah itu.

Apakah yang dimaksudkan dengan adat bertangga turun? Adat itu ialah sesuatu yang datangnya dari pihak atas. Bertangga turun di sini dimaksudkan kepada cara perlaksanaannya. Untuk sampai kepada 'anak buah', adat itu mesti melalui saluran-saluran tertentu. Ia turun berperingkat-peringkat. Ia ditetapkan oleh Raja yang dikenali sebagai 'keadilan' dan dari situ ia akan diturunkan bertangga-tangga. Dari Raja kepada Undang, dari Undang kepada Lembaga, dari Lembaga kepada Buapak dan dari Buapak kepada anak buah. Inilah yang dikatakan adat bertangga turun itu.

Untuk menentukan satu-satu adat itu, 'Keadilan' tidak boleh pula membuat mengikut kehendak hati pula. Orang-orang Minangkabau menganut agama Islam. Oleh itu adat yang ditetapkan itu mestilah berlandaskan agama. Ini dapat dilihat dari salsilah yang mengatakan:

Adat bersendikan hokum

Hukum bersendikan Kitabullah

Untuk menentukan satu-satu adat itu, ianya mesti berdasarkan kepada hokum yang berdasarkan kepada agama Islam. Kerana itulah, adat yang hendak diturunkan kepada anak buah itu mestilah terlebih dahulu mendapat uktifa dari pihak ulama. Setelah menentukan ia tidak bertentangan dengan agama Islam, barulah adat itu sah untuk dilaksanakan. Dengan menentukan bahawa kepentingan agama dan kepentingan anak buah dapat terjaga di dalam satu-satu adat itu, barulah dapat adat itu kekal dan teguh kedudukannya. Kerana teguhnya asas adat itu, maka timbullah satu perbilangannya:

Dianjak layu

Dicabut mati

Jika terdapat pindaan terhadap ayat yang telah ditetapkan beertilah itu akan hilang azimatnya yang sebenar. Adat itu akan hilang pengaruhnya dan sudah pasti fungsinya juga tidak dapat dilaksanakan dengan licin. Jika ia dicabut pula ia akan mati. Apa yang dimaksudkan dengan dicabut ialah jika dibuangkan antara beberapa ciri-ciri yang terdapat di dalamnya itu, beertilah adat itu tidak berguna lagi. Begitulah teguhnya adat yang telah ditentukan itu sehingga ia tidak boleh lagi ditukar ganti.

Menyentuh kembali mengenai 'bertangga turun' itu, ada terdapat perbilangan yang menerangkan bagaimana 'bertangga turun' itu dilaksanakan. Susunan itu berbunyi:

Raja beri titah pada Undang
Undang beri sabda pada Lembaga
Lembaga beri perintah kepada Buapak
Buapak beritahu kepada anak buah

Dengan menurut susunan tertentu ini, adat yang telah diluluskan oleh keadilan selepas mendapat uktifa dari ulama itu, akan menjadi pegangan kepada masyarakat Perpatih.

Untuk menguatkan lagi pendapat yang mengatakan bahawa adat itu telah dibuat dengan berdasarkan hokum dan agama, terdapat pula satu perbilangan:

Adat bertentu
Bilang beratur
Sekati 16 tahlil
Segantang 4 cupak

Perbilangan ini menunjukkan betapa telitinya semasa menentukan adat itu. Ianya dapatlah diibaratkan seperti ukuran-ukuran yang tertentu yang tidak boleh lagi dipinda-pinda seperti ibarat yang diberikan itu, dimana 16 tahlil menjadikan 1 kati dan 4 cupak menjadikan 1 gantang. Bagaimana teraturnya timbangan kati dan ukuran cupak itu, begitu juga tersusunnya adat. Perkara-perkara yang telah ditetapkan oleh adat tidak boleh lagi diubah. Jika terdapat perubahan, pastilah sumbang perjalanan adat. Kerana ketelitian semasa membuat adat itulah. Adat Perpatih itu dapat terus kekal dan masih terpakai hingga sekarang ini. Selain dari bukti yang nyata yang dapat disaksikan di masa ini mengenai penggunaan Adat Perpatih ini, ada juga perbilangan yang menunjukkan akan keteguhan adat itu:

Tak lapuk dek hujan
Tak lekang dek panas

Perbilangan ini menunjukkan bahawa adat itu sanggup menghadapi cabaran zaman. Walau apa juga bentuk halangan yang dihadapinya, ia mempunyai kesanggupan untuk mengatasinya. 'Hujan' dan 'panas' ialah gejala-gejala alam yang selain dari memberi rahmat, ia juga dapat menukar akan kejadian ala mini. Sebuah rumah umpamanya, setelah bertahun-tahun menghadapi hujan dan panas, ia akhirnya akan runtuh juga. Apa yang hendak diterangkan di sini ialah adat itu sanggup menghadapi segala cabaran. Ia tidak dapat dilupakan oleh masa. Malah ia diibaratkan lagi adat itu.

Keras bak kayu
Lembut bak atap

Ini menunjukkan bahawa adat itu tetap tidak berubah dan tegas dalam perlaksanaannya. Hanya cara perlaksanaannya sahaja boleh dimuafakatkan. Kerana itulah terdapat perbilangan di atas. Jika adat itu cuba hendak dilentur atau dimuafakatkan supaya diubah dari asal, dapatlah kita ibaratkan ia sebagai keras kayu dan lembut atap. Macam mana kerasnya kayu dan lembutnya atap, jika kita cuba lentur atau membengkokkannya pasti juga ia akan patah. Ini beerti adat itu akan musnah. Yang boleh dimuafakatkan di sini ialah cara menyempurnakan kehendak adat itu sahaja.

Sebagai kesimpulan, 'Adat' ialah segala perkara yang telah ditetapkan oleh 'keadilan' untuk dijalankan oleh 'anak buah'. Ketetapan itu pula mestilah berlandaskan agama dan disampaikan kepada 'anak buah' dengan melalui susunan yang tertentu.

Apakah yang dimaksudkan dengan adat istiadat? Menurut salsilah 'Adat istiadat berjenjang naik'. Adat istiadat ialah sesuatu yang dipersetujui oleh peringkat dari bawah dan barulah ia dikemukakan ke pihak atas atau kepada 'Keadilan'. Ianya ialah dari bawah ke atas. Untuk menentukan 'berjenjang naik' itu, dapatlah dilihat dari kata-kata yang terdapat:

Tiap-tiap Alam beraja
Tiap-tiap kampung ada ketua
Tiap-tiap gelanggan ada juara
Tiap-tiap suku ada anak buah
Tiap-tiap anak buah ada Buapak
Tiap-tiap Buapak ada Lembaga
Tiap-tiap Lembaga ada Undang
Ada Inang ada Raja

Dari kata-kata itu dapat dilihat bahawa di dalam hidup satu-satu bentuk masyarakat itu, mereka mesti mempunyai ketua. Bentuk sosial itu tidak kira besar atau kecil. Begitu juga keadaannya bagi masyarakat Perpatih di Negeri Sembilan. Kumpulan yang kecil sekali dikenali sebagai anak buah dan mereka mempunyai ketua yang dipanggil Buapak. Buapak ini hanya menguasai anak buahnya sahaja. Buapak pula mempunyai ketua yang dipanggil Lembaga. Ini tidak berhenti setakat itu sahaja. Lembaga pula mempunyai ketua yang dipanggil Undang. Corak pemerintahan itu berbentuk 'piramid'. Inilah yang dikatakan 'berjenjang naik', iaitu dari bawah ke atas. Dalam erti kata lain, adat istiadat adalah kuasa anak buah. Merekalah yang menentukannya. Apabila mereka bersetuju mengenai sesuatu perkara itu, mereka akan mengemukakannya kepada Buapak. Pihak Buapak pula akan mengemukakannya kepada Lembaga setelah membincangkan perkara itu sesama mereka. Lembaga pula akan membincangkan perkara itu sesama mereka dan lepas itu diserahkan pula kepada Undang. Perkara ini akan dibincangkan di Balai Adat. Langkah yang demikianlah yang dikatakan 'Adat Istiadat berjenjang naik' iaitu anak buah yang menentukan apakah corak

adat istiadat yang mereka kehendaki. Perkara ini mestilah mendapat persetujuan dari semua anak buah dan mesti dibincangkan di Balai Adat. Disamping itu ia mestilah tidak bertentangan dengan adat. Dengan persetujuan dari anak buah barulah adat istiadat dapat diadakan. Kerana ia dikatakan dari bawah ke atas. Pihak 'Keadilan' tidak boleh menentukan adat istiadat ini. Begitu juga kepada Datuk Lembaga dan Undang, mereka tidak ada kuasa di dalam hal ini. Mereka hanya berkuasa untuk mengisytiharkan adat istiadat yang telah dipersetujui oleh anak buah itu untuk dipakai oleh semua anak buahnya setelah menentukan tidak ada terdapat pertentangan dengan adat seperti perbilangannya:

Kok pipih boleh dilayang

Kok bulat boleh bergolek

Adat istiadat ialah cara untuk melaksanakan 'adat'. Ibu atau punca segala segala adat istiadat ini ialah muafakat. Hanya dengan mengadakan muafakat barulah adat istiadat itu dapat dilaksanakan. Untuk mengetahui bagaimana hubungan antara adat istiadat dengan muafakat, berikut ini diberikan contoh yang boleh menjelaskannya:

Menurut sesilah Bujang Perpatih

Orang beradat kurang dua lima puluh

Berdasarkan dari kata-kata itu, sesiapa yang telah melakukan kesalahan adat, terutamanya 'serah menyerah'. 'bersalah-salah' dan 'merumah', dendanya ialah kurang dua limapuluh iaitu 48 ringgit (sebelum ditukarkan kepada ringgit ukuran wang ialah rupiah). Adat bagi kesalahan adat ini telah ditetapkan, oleh itu ia tidak boleh lagi diubah-ubah.

Perlu diketahui bahawa mengubah satu-satu adat itu, ianya mestilah berdasarkan salsilah. Jika tidak terdapat di dalam salsilah yang boleh memberi kebenaran kepada kita untuk mengubahnya, adat itu tetap kekal. Begitu juga dengan adat istiadat. Ianya dibuat berdasarkan kepada adat. Jika hendak membuat satu-satu perubahan ataupun menambah satu-satu perkara baru di dalamnya, ianya perlukan muafakat. Ini penting kerana 'ibunya' ialah muafakat. Tanpa muafakat perubahan atau tambahan-tambahan baru hendak dibuat itu tidak sah. Ianya pasti akan mendapat tentangan. Untuk emnjamin tercapainya satu persetujuan terhadap bagi perubahan pula, ia mestilah mempunyai hujah-hujah tertentu yang dapat disokong oleh salsilah.

Berikut ini saya berikan satu peristiwa yang telah berlaku di Daerah Kuala Pilah, dimana satu perubahan telah dibuat untuk mengubah adat istiadat yang telah ada dan kesannya menimbulkan kekeliruan kepada 'anak buah' mereka.

Semasa hendak mengadakan adat istiadat perkahwinan, wakil dari pihak perempuan mestilah pergi 'menjemput' pengantin lelaki. 'Adat menjemput' ini diadakan pada hari perkahwinan itu. Adat istiadat ini telah terdapat sejak dahulu lagi. Pada masa ini satu percubaan telah dibuat, dimana orang yang pergi menjemput itu telah menuntut bayaran menjemput dari pihak lelaki. Upah menjemput yang dikenakan itu ialah sebanyak RM 7.00. Di dalam adat istiadat yang sebenarnya, tidak ada terdapat apa yang dikatakan upah untuk menjemput ini. Oleh itu tuntutan menjemput itu tidak perlu dibayar.

Sekiranya perkara ini telah dimuafatkan dahulu dan telah dibuat pula apa yang dipanggil 'berjenjang naik' itu, barulah ianya sah dikatakan adat istiadat. Muafakat sangat penting kerana:

Pesaka Satu

Adat datar

Iaitu, apa adat istiadat yang dipakai oleh suku itu dipakai juga oleh suku yang lain kerana adat yang mereka ikut adalah sama. Untuk mengadakan satu-satu adat istiadat mereka mestilah semuanya berbulat dahulu dan selepas mendapat persetujuan semua Lembaga:

12 Jempol

12 Muar

6 Teraci

6 Gunung Pasir

Barulah sah adat istiadat itu. Yang dimaksudkan dengan pesaka satu ialah walau dimana pun mereka berada, selagi berada di dalam lingkungan Datuk muar, jempol, Teraci dan Gunung pasir adat mereka adalah sama dan pesaka mereka adalah satu itu juga.

Di dalam usaha-usaha melaksanakan Adat Istiadat ternyatalah bahawa segala-galanya adalah berpunca dari muafakat. Muafakat itu selain dari dikenali sebagai ibu adat, ia juga dikenali sebagai 'Raja Adat'. Muafakat itu bukan sahaja untuk membuat perubahan-perubahan bagi adat istiadat, tetapi ia sangat penting semasa mencari satu-satu penyelesaian mengenai kesalahan-kesalahan adat. Peranan muafakat dapat dilihat dari satu perbilangan:

Kelebihan Nabi kerana Mukjizat

Kelebihan Umat kerana muafakat

Air melurut kerana alurnya

Benar melurut kerana muafakat

Menerusi kata perbilangan itu dapat difahamkan bahawa dengan adanya usaha yang sedemikian rupa, barulah dapat dicari benar atau salahnya satu-satu perkara itu. Selalunya di dalam perjalanan adat, jika terdapat satu perselisihan sekiranya ia masih kecil lagi, digunakanlah muafakat di antara kedua-dua pihak

untuk menyelesaikan oleh adat kerana pihak yang bersalah mestilah membayar denda adatnya nanti.

Apabila perselisihan itu telah dibawa kepada adat, pastilah kebenarannya didapati kerana kita tinggal di dalam adat. Setelah terbukti pihak yang benar dan pihak yang bersalah, hukuman akan dijalankan. Segala denda mengikut kesalahan yang dilakukan akan didenda atau bayaran adat yang dikenakan itu dapat lagi dipinda-pinda. Semasa hendak melaksanakan kehendak adat inilah munculnya kata perbilangan:

Adat lalu ditengah terang

Muafakat lalu masa yang gelap

Menurut kesalahan yang telah dilakukan itu, pihak lelaki itu mungkin telah dijatuhkan hukuman kurang dua limapuluh. Sepertimana mengikut perbilangannya 'Adat lalu ditengah terang', pihak lelaki itu mesti membayar adat itu sebanyak yang telah ditentukan. Pembayaran itu mestilah dilakukan dengan disaksikan oleh pihak-pihak yang berkenaan yang hadir di dalam upacara itu.

Adakalanya beberapa kemungkinan berlaku di dalam hal ini. Pertama mungkin pihak lelaki tidak mampu untuk membayar dengan sepenuhnya bayaran adat yang telah ditetapkan itu. Ada pula kemungkinan bahawa yang dihukum itu merasakan bahawa kesalahan itu tidak harus dilemparkan atau dijatuhkan ke atas dirinya seorang sahaja. Kerana itu ia memikirkan tidaklah wajar dirinya sahaja yang harus membayar kesemua bayaran adat itu. Ini mungkin berlaku di mana yang sebenarnya kedua-dua pihak yang harus dipertanggungjawabkan tetapi disebabkan menurut seperti yang berlaku di dalam adat 'bersalah-salah', hanya satu pihak sahaja dikenakan membayar adat itu, jadi muafakat sangat penting. Inilah yang dikatakan 'Muafakat lalu masa yang gelap'.

Apa yang berlaku ialah:

Naik tangga dapur

Turun tangga hadapan

Kedua-dua pihak itu akan muafakat bagaimana hendak menyempurnakan kehendak adat itu. Dengan adanya muafakat, mungkin pihak yang satu lagi akan menampung kekurangan yang terdapat pada pihak yang didapati bersalah itu. Ia memberikan beberapa yang diperlukan lagi itu kepada pihak yang satu lagi supaya dapat ia membayar adat itu dengan sepenuhnya.

Oleh itu, nyatalah di dalam hal ini bahawa adat yang dikatakan bertangga turun itu tidak boleh diubah-ubah tetapi cara perlaksanaannya itu boleh dimuafatkan. Mengenai adat istiadat pula, apa yang telah dimuafatkan terlebih dahulu dan telah dipersetujui oleh semua pihak itulah yang dikatakan adat istiadat.

Di dalam menentukan bahawa adat yang telah ditentukan itu tidak boleh diubah-ubah terdapat juga syarat-syarat yang tertentu. Syarat ini bertujuan untuk tidak merugikan kedua-dua pihak. Ini terdapat di dalam kata-kata salsilah:

Seperti memalu ular

Ular dipalu jangan mati

Kayu pemalu jangan patah

Tanah dipalu jangan lebang

Sumbing dititik patah ditimpal

Anak dipanggil makan

Anak buah disorongkan balas.

Ibarat yang diberikan ini supaya menjadi panduan kepada mereka yang mungkin melakukan kesalahan-kesalahan adat. Menurut Adat Perpatih, tindakan yang dilakukan oleh seseorang itu, bukanlah tanggungjawabnya seorang sahaja untuk mengatasinya tetapi adalah tanggungjawab saudara sekadimnya. Ini adalah disebabkan anggota lelaki di dalam suku itu dipanggil atau dikenali sebagai adat, sementara anggota perempuannya pula diberi gelaran sebagai pesaka. Kerana

itulah dikatakan adat tinggal di dalam pusaka. Berdasarkan inilah, pihak perempuan diberikan segala harta pusaka.

Disebabkan 'adat' tinggal di dalam 'pusaka', maka menjadi tanggungjawab semua pihaklah untuk tolong-menolong diantara satu sama lain. Sekiranya didapati seorang dari anggotanya melakukan kesalahan, adalah tanggungjawab mereka semuanya untuk memberikan pertolongan. Kerana sistem masyarakat yang sedemikian rupalah salsilah di atas diadakan.

Ibarat yang dikemukakan ialah seperti memalu ular. Menurutnyalah lagi ular yang dipalu itu janganlah sampai mati. Ini dimaksudkan kepada tindakan seseorang itu. Segala tindakannya itu janganlah sampai merugikan pihak kaum kerabatnya. Sepertimana yang dapat dilihat di atas, jika seseorang itu membuat kesalahan adat bukanlah tanggungjawabnya sahaja untuk membayar segala denda kesalahan. Itu juga adalah tanggungjawab kaum kerabatnya. Oleh kerana ia sedar bahawa ia akan sentiasa ditolong oleh orang lain, ia tidaklah seharusnya pula menjadikan kebiasaan membuat kesalahan-kesalahan itu. Janganlah kerana sistem masyarakat yang demikian rupa, ia sentiasa membuat perkara-perkara yang boleh merugikan kaum kerabatnya.

Kayu pemalu jangan patah adalah syarat ditentukan kepada pihak yang akan memberi pertolongan pula. Janganlah kerana hendak menolong anggotanya yang mengamali kesusahan itu, ia terpaksa bergolok bergadai pula. Bantuan yang ia harus beri ialah setakat yang ia mampu sahaja.

Tanah dipalu dimaksudkan kepada pihak yang menerima pula. Seperti yang diketahui, raja segala adat ialah muafakat. Semua muafakat itu, mestilah pihak yang memberi memikirkan juga untung rugi pihak yang menerima. Janganlah pihak yang memberi itu hanya memberi mengikut kehendak hati mereka sahaja. Persetujuan diantara mereka itu mestilah tidak merugikan pihak yang menerima dan disamping itu juga, pihak menerima pula janganlah menetapkan bayaran adat yang begitu tinggi pula. Persetujuan itu mestilah berpatutan untuk kedua-dua pihak.

Sumbing dititik, patah ditimpal inilah yang menunjukkan adanya hubungan muafakat di antara kedua-dua pihak itu.

Anak dipanggil makan dan anak buah disorongkan balas ialah persetujuan yang telah dicapai di antara kedua-dua pihak itu. Kedua-dua pihak terpaksa menjaga adat. Rangkap-rangkap itu menunjukkan bahawa kedua-dua pihak mesti mencari jalan bagaimana hendak memenuhi kehendak adat itu. Anak dipanggil makan ialah adat itu. Ia mesti juga dipenuhi. Anak buah disorong balas ialah cara untuk menunaikan kehendak adat itu, iaitu pihak yang menerima sanggup memberi bantuan kepada pihak yang membayar supaya dapat membayar kehendak adat dengan sepenuhnya.

Berdasarkan kepada sasilah inilah masyarakat Perpatih dapat menggunakan muafakat untuk menyelesaikan mengenai masalah-masalah adat supaya dapat menjaga agar adat mereka tidak dicemar.

Setelah memberikan beberapa cara untuk mengatasi kesulitan-kesulitan berhubung dengan perlaksanaan adat itu, tidaklah patut ada sebarang kesulitan untuk melaksanakan kehendak adat. Kerana itulah terdapat sumpahan mengenainya. Sumpahan ini menguatkan serta meneguhkan lagi kedudukan adat.

Berbuah rambutan jantan

Bertunas antan dilesong

Baru boleh dilebihkan

Dan baru boleh dikurangkan

Begitu sekali teguhnya adat itu hingga adalah satu perkara yang mustahil untuk membuat perubahan terhadapnya. Menurut sumpahan itu, adat itu hanya boleh dilebihkan atau dikurangkan sekiranya berlaku kedua-dua perkara yang disebutkan itu. Sebagaimana mustahilnya pokok rambutan jantan berbuah dan antan yang terdapat dilesong itu bertunas, begitu jugalah mustahilnya adat itu diubah.

BAB IV

KESIMPULAN

Setelah melihat peranan-peranan yang dimainkan oleh kata-kata perbidalan itu, dapatlah kesimpulan bahawa kata-kata tersebut bukan dinilai dari segi maksud yang nampak dilihat sahaja tetapi apa yang ada disebaliknya. Penilaian dibuat bukan dari apa yang tersurat sahaja tetapi juga dari apa yang tersirat. Sepertimana perbilangan 'Biar mati anak jangan mati adat' jika diambil maksud yang tersurat ini bermakna seseorang itu sanggup anaknya mati asalkan terjaga dan terpelihara adatnya. Perkara ini sebenarnya bertentangan sekali dengan Adat Perpatih kerana adat ini tidak sekali-kali menggalakkan pembunuhan. Malah jika terdapat kesalahan membunuh, hukuman yang dijatuhkan mengikut perbilangan ialah:

Siapa membunuh, siapa mengganti

Mereka yang didapati melakukan kesalahan ini tidak dihukum bunuh tetapi dikehendaki mengganti pihak yang malang itu dengan menyerahkan salah seorang dari sekadinya kepada mereka. Anak buah diserahkan itu akan mengambil suku pihak yang menerimanya dan perbuatan bersekadin ini tidaklah merugikan mana-mana pihak pun seperti yang telah dibincangkan di dalam Bab III.

Nyata di sini bahawa 'biar mati anak' itu hanya merupakan satu ibarat sahaja. Ia menunjukkan pegangan yang kuat terhadap adat.

Untuk memandang lebih jauh lagi, perbilangan itu boleh dipandang dari beberapa aspek:

i) Sebagai faktor Sejarah

Berdasarkan dari perbilangan yang ada, dapat kita jadikan ia sebagai bahan untuk kajian sejarah. Disamping itu pula kita juga dapat memandang bagaimanakah pandangan masyarakat dahulu terhadap sejarah.

Masyarakat dahulu cuba juga hendak meninggalkan sejarah kepada masyarakat terkemudiannya. Hanya cara pandangan mereka terhadap sejarah itu sahaja yang berlainan. Bagi mereka adat itu merupakan pegangan hidup mereka. Oleh itu mereka cuba hendak menerangkan sejarah adat itu kepada orang yang terkemudian. Yang berlainan hanya cara menentukan tarikhnya sahaja. Bagi mereka tidak memberatkan masa. Mereka memberi sejarah mereka melalui perbilangan dengan memberatkan kepada kiasan dan ibarat sahaja. Ini dapat dilihat dari Bab I. Di dalam bab itu diterangkan bagaimana munculnya beberapa adat di Alam Melayu ini. Setelah itu diterangkan pula bagaimana munculnya Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Walaupun tidak dinyatakan bilakah bermulanya Adat Perpatih itu, tetapi beberapa fakta tertentu boleh didapati dari perbilangan ini. Antaranya dapat dibuktikan bahawa Rembaulah yang menajadi tempat pertapakan Adat Perpatih. Selain dari itu dapat pula diketahui akan penyebarannya di seluruh Negeri Sembilan dan bagaimana puncanya terdapat Undang di Negeri Sembilan.

Semua perkara-perkara ini dapat diketahui dari perbilangan. Walaupun perbilangan ini tidak dapat memberi dengan tegasnya fakta-fakta serta bukti-bukti sejarah yang diperlukan, tetapi ia boleh dijadikan sebagai bahan untuk kajian sejarah.

ii) Hubungan Adat dengan Agama

Menerusi perbilangan juga dapat dipastikan tentang pandangan Agama masyarakat Perpatih. Perbilangan:

Adat bersendikan hukum

Hukum bersendikan Kitabullah

Dapat dijadikan sebagai bukti bahawa tertegaknya adat itu dengan berasaskan agama. Nyata di sini bahawa agama dan adat itu adalah mempunyai hubungan yang rapat. Tanpa berasaskan agama sesuatu adat itu tidak dapat diakui kerana iktifar dari pihak ulama itu sangat penting. Apabila dikaji dengan mendalam dapatlah kita satu kesimpulan bahawa agama memainkan peranan penting di dalam kehidupan masyarakat Perpatih.

iii) Bahasa

Dari segi bahasa, perbilangan ini banyak menggunakan perbandingan dan peribahasa. Penggunaan peribahasa dan perbandingan ini menunjukkan ketinggian kesenian serta daya pemikiran orang-orang yang menciptanya.

Selain dari itu pada masyarakat dahulu, mereka lebih senang memahami maksud serta tujuan perbilangan. Ia dapat menyampaikan sesuatu tujuan itu dengan senang dan tepat serta mudah pula difahami.

Di dalam sebutan perbilangan itu, mereka banyak menggunakan kata-kata daerah. Kata-kata itu jika diubahsuaikan dengan menggunakan kata-kata melayu Standard akan terdapat kejanggalan bunyi perbilangan itu. Ini disebabkan perbilangan itu disebut dengan irama yang tertentu. Dari segi struktur ayatnya juga memainkan peranan di dalam menentukan irama yang terdapat pada perbilangan itu. Jika struktur ayat itu diubah

mengikut struktur ayat yang sebenarnya, keadaan perbilangan itu akan terdapat kejanggalan juga.

Perbilangan, selain dari mempunyai tujuan yang khas, ia juga mempunyai susunan irama yang tertentu. Sekiranya satu-satu rangkap perbilangan itu dicuba susunan dengan ayat yang sempurna, pasti hilang irama yang mengiringinya. Dengan ini akan hilang juga seni yang ada pada perbilangan tersebut. Dibawah ini diturunkan contoh yang boleh dilihat:

Berhutang berturut

Bercagar bergadai

Bercincang berpampah

Selain dari struktur ayat yang tidak lengkap, ia juga menunjukkan irama yang tertentu. Irama ini terdiri dari bilangan sukukata serta intonasi semasa yang ditekankan pada sukukata-sukukata yang tertentu. Dengan itu melalui perbilangan bukan sahaja dapat melihat bahasa yang mereka gunakan, malahan dapat juga melihat seni yang ada pada kata-kata perbilangan itu.

Semasa mengkaji dari segi bahasanya, dapat juga dilihat penggunaan terhadap kependekan perkataan. Antara perkataan-perkataan yang mana kependekannya digunakan ialah 'nan', 'dek', 'ta', 'bak', 'kok' dan lain-lain lagi.

Dari segi bahasanya dapatlah dikatakan bahawa tujuan penggunaan perbilangan ialah untuk menyampaikan sesuatu itu dengan cara yang paling cepat serta singkat dan setepat yang boleh. Kerana itu mereka menggunakan struktur ayat yang singkat.

Walaupun begitu mereka tidak pula lupa menyesuaikan dan memasukkan kesenian dan ini telah dilakukan dengan menggunakan kata-

kata serta ibarat yang berbunga-bunga. Penggunaan terhadap kata-kata demikian itu banyak terdapat di dalam kata-kata berundang. Pasti diingat kembali bahawa kata-kata berundang itu adalah bertujuan sebagai satu permainan sahaja iaitu untuk emulakan percakapan dan sebelum membincangkan sesuatu tujuan itu dengan mendalam. Disebabkan kata-kata berundang ini ebagai hendak memulakan percakapan sahaja dan bukannya menjadi asas atau pun bukan bertugas sebagai perlembagaan atau undang-undang di dalam Adat Perpatih tidak hairanlah ia disebut dengan berbunga-bunga.

iv) Sebagai menjamin keteguhan adat.

Perbilangan juga bertugas sebagai menjamin keteguhan adat kerana ia merupakan sebagai perlembagaan bagi adat. Ia bukan sahaja menjadi garis panduan bagi menunjukkan maksud tetapi juga menentukan kehendak adat. Selain dari ini ada juga terdapat perbilangan yang menunjukkan sumpahan terhadap pantang larang adat. Dengan ini perbilangan telah dapat memperteguhkan lagi kedudukan adat.

v) Mengenai sistem kemasyarakatan

Kesan yang paling ketara yang dapat kita lihat dari perbilangan ialah peranan yang ditunjukkannya terhadap kehidupan masyarakat. Perbilangan itu ada di antaranya yang menentukan mengenai susunan masyarakat. Ia menentukan apakah peranan tiap-tiap individu itu di dalam masyarakatnya. Di dalam hal ini semenda menyemenda umpamanya, ada terdapat perbilangan yang menentukan sifat orang semenda yang dicari itu. Di sini dapat kita lihat bagaimana sifatnya, mempunyai tempat di dalam Adat Perpatih.

Selain dari itu, mereka juga mempunyai hak untuk menentukan cara pentadbiran pemerintah mereka. Sepertimana yang telah kita lihat, mereka boleh melantik pembesar mereka sendiri. Seseorang pembesar itu bukan naik menjadi pembesar kerana keturunan tetapi adalah disebabkan oleh persetujuan anak buahnya. Di sini menunjukkan betapa pentingnya anak buah di dalam Adat Perpatih.

Disamping menampakkan kepada kita mengenai hubungan antara satu sama lain, perbilangan inilah yang menjadi sebagai garis yang menentukan apa yang harus dilakukan oleh masyarakat Perpatih.

Setelah memandang dari beberapa aspek yang tertentu di atas, dapatlah kita satu kesimpulan bahawa perbilangan itu memainkan satu peranan penting di dalam kehidupan masyarakat Perpatih. Ia merupakan sebagai Perlembagaan, undang-undang dan garis panduan hidup bagi masyarakat Perpatih.